

Khamis, Jan 25 2018

Konsesi berat sebelah sukar dibatalkan

UTUSAN 25/1

KUALA LUMPUR 24 Jan. - Pembatalan perjanjian-perjanjian konsesi berat sebelah yang ditandatangani khususnya semasa zaman Tun Dr. Mahathir Mohamad sukar untuk dilaksanakan kerana melibatkan proses perundangan yang rumit serta tanggungjawab kos.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, kerajaan tidak boleh membuat kenyataan terbuka membatalkan mana-mana perjanjian sewenang-wenangnya kerana berisiko berdepan tindakan undang-undang serta mengganggu kestabilan pasaran.

Beliau bagaimanapun mengakui usaha tetap dibuat oleh kerajaan untuk menilai semula sebarang perjanjian konsesi yang berat sebelah, termasuk berkaitan pembinaan lebuhraya.

"Kita tidak boleh berbuat apa-apa kerana perjanjian telah ditandatangani lebih awal. Usaha pembatalan atau merombak perjanjian ini

sehingga membuatkan pentadbirannya juga berdepan kesukaran untuk melaksanakan program-program transformasi ekonomi.

Tanpa menyebut nama, Najib dipercayai merujuk kepada Dr. Mahathir yang sering didakwa membenarkan banyak perjanjian konsesi berat sebelah ditandatangani terutama untuk pembinaan lebuhraya dan penjana tenaga bebas (IPP) sepanjang menyetujui kerajaan dari tahun 1981 hingga 2003.

Tambah Johari, kerajaan tidak akan mengulangi kesilapan lalu dan memastikan sebarang konsesi baharu yang ditandatangani lebih mewujudkan situasi menang-menang kepada kerajaan dan syarikat swasta serta tidak menekan rakyat.



JOHARI ABDUL GHANI



LOKMAN NOOR ADAM

Sementara itu Pengarah Komunikasi Strategik Kementerian Kewangan, Datuk Lokman Noor Adam berkata, walaupun mempunyai keupayaan kewangan, kerajaan perlu meneliti sebarang tindakan untuk membatalkan konsesi kerana harus memastikan setiap

akan melibatkan isu-isu perundangan yang panjang serta tanggungan kos yang tinggi,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ketika menyampaikan ucapan utama perasmian Invest Malaysia 2018 semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menjelaskan rakyat kini menanggung beban akibat amalan mementingkan kroni oleh pemimpin terdahulu

wang yang dibelanjakan berbaloi dengan kepentingan keseluruhan rakyat.

“Misalnya untuk membatalkan konsesi Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL) dan lebuhraya dalam bandar, kerajaan perlu menggunakan dana yang dimiliki keseluruhan rakyat Malaysia untuk membayar ganti rugi kepada syarikat pemegang konsesi,” katanya.